

13 APR 1998

DR MAHATHIR AKAN LANCAR KOMPLEKS BEBAS CUKAI JB SABTU

JOHOR BAHRU, 13 April (Bernama) -- Kompleks Bebas Cukai Johor Baharu, salah satu daripada kompleks bebas cukai terbesar di rantau ini akan dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini pada Sabtu ini.

Kompleks di atas tapak seluas 6.8 hektar itu terletak di Jalan Ibrahim dan berhadapan dengan Stesen Janakuasa Senoko di Singapura.

Kompleks itu yang menawarkan kemudahan membeli belah bebas cukai setempat, hiburan dan tempat makan, pengangkutan, kemudahan penginapan dan konvensyen, dimajukan oleh Kelana Megah Sdn Bhd, anggota Sriwani Holdings Bhd, sebuah syarikat pelbagai disenaraikan yang terbabit dalam kegiatan berkaitan pelancongan.

Satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini menyatakan kompleks itu mempunyai podium membeli belah yang terdiri daripada empat tingkat termasuk tingkat bawah tanah serta mempunyai keluasan 30,000 meter persegi bagi ruang runcitan dan lebih 180 lot kedai butik.

Hotel Eden Garden, bahagian penting kompleks itu, adalah satu-satunya hotel di sini yang mempunyai pemandangan menghadap laut manakala Pusat Ekspo JB yang dilengkapi dengan sistem elektronik, cahaya dan bunyi canggih, boleh memuatkan sehingga 5,000 orang.

Dewan tarian agung, dewan tari menari tanpa tiang yang terbesar di kawasan selatan semenanjung boleh menampung sehingga 1,000 orang manakala auditorium dua tingkat masing-masing boleh menempatkan 80 dan 250 orang.

Selain itu, komponen lain kompleks berkenaan adalah Terminal Feri Antarabangsa Johor Baharu, yang dilengkapi dengan kemudahan moden dengan perkhidmatan feri ke Tanah Merah di Singapura, Pulau Batam dan Bintan di Indonesia dan Tanjung Belungkor, berhampiran Desaru.

Terminal itu juga mempunyai hubungan terus ke beberapa pelabuhan penumpang serantau di kepulauan Riau, Tioman and Pulau Sibiu.

Menurut kenyataan itu terminal, feri berkenaan juga mempunyai empat dermaga dan kemudahan untuk mengendalikan ketibaan lapan feri sejam. --

BERNAMA

MKO ZK OS